

## KELEBIHAN PENGAJIAN KITAB HADIS SECARA *TALAQQI BERSANAD* (TB)

**Farhah Zaidar Mohamed Ramli**

Fakulti Pengajian Peradaban Islam

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

[farhahzaidar@kuis.edu.my](mailto:farhahzaidar@kuis.edu.my)

010-5148069

**Farah Nur-Rashida Rosnan**

Pusat Pengajian Teras

*Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)*

[farahnur rashida@kuis.edu.my](mailto:farahnur rashida@kuis.edu.my)

017-2083791

### ABSTRAK

Talaqqi Bersanad merupakan pendekatan berkonseptan pengajian ilmu secara langsung di hadapan guru al-musnid dengan mempraktikkan kaedah al-talaqqi iaitu al-sama<sup>c</sup>, al-qira'ah serta al-ijazah. Manakala guru tersebut berpengalaman mempelajari kitab melalui proses yang sama dengan guru-gurunya sehingga sampai sanad kepada penyusun kitab. Menerusi talaqqi bersanad, mekanisme periwayatan hadis terus berganjak kepada periwayatan kitab-kitab hadis selari dengan perubahan dan perkembangan zaman. Implikasi utama aplikasi talaqqi bersanad ialah mengekalkan tanpa putus silsilah sanad hadis yang pada awalnya bukan sahaja bermula tetapi berakhir kepada sandaran mutlak sumber hadis iaitu Rasulullah p. Makalah ini bertujuan untuk mengkaji kelebihan khusus pengajian kitab hadis secara talaqqi bersanad. Data-data dikumpul menerusi metode temubual mendalam dan analisis dokumen berkaitan. Dapatkan kajian dianalisis secara deskriptif. Kesimpulannya terdapat empat kelebihan pengajian kitab hadis secara talaqqi bersanad iaitu pengekalan sanad, persambungan sanad hadis dengan sumber hadis, teladan tradisi ahli hadis dan pengadaptasian metode al-tahammul wa al-ada'.

**Kata kunci:** *kelebihan, kitab, hadis, talaqqi, sanad*

### PENGENALAN

TB merupakan istilah yang dimelayukan daripada perkataan bahasa Arab iaitu *al-talaqqi bi al-sanad*. Istilah ini muncul daripada kenyataan <sup>c</sup>Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1992:46) menerusi karya beliau *al-Isnad min al-Din*. Sinonim dengan tajuk, kandungan karya ini merupakan hujahan penulis terhadap konsep *sanad* sebagai landasan pengambilan dan penyampaian ilmu yang dianggap sebagai kehendak dan tuntutan agama. Beliau antara lain menggunakan istilah *al-talaqqi bi al-sanad* dalam kenyataannya seperti berikut.

"...المعرفة بقيمة الإسناد، وبنزلة التلقى بالسند عن الشيوخ عند المتقدمين، وهو خبر عجائب."

Maksudnya:

Pengetahuan terhadap (berharganya) nilai *sanad* dan kedudukan mengambil ilmu secara bersanad daripada para guru (TB) di sisi ulama terdahulu, ianya merupakan satu perkhabaran yang menakjubkan.”

Kenyataan di atas merupakan komentar beliau terhadap keprihatinan ulama silam terhadap pengajian secara bersanad dengan para guru yang kemudiannya diadaptasikan oleh kajian kepada istilah TB. Beliau selanjutnya menerangkan pelaksanaan pendekatan pengajian tersebut dengan memberi contoh bagaimana ulama seperti al-Zamakhshariyy mengambil sekalipun ilmu bahasa daripada Abu Mansur al-Jawaliqi adalah dengan langkah pembacaan kitab (*qira'atan 'alayh*) bagi tujuan *tahammul* serta memohon *pengijazahan* daripada syeikh tersebut. Berdasarkan contoh ini, TB boleh difahami sebagai pendekatan pembacaan sesuatu kitab bersama guru bagi tujuan *tahammul* dan memperolehi *ijazah* daripadanya. Seterusnya istilah TB juga turut muncul dalam kenyataan 'Amir Hasan Sabri dalam mukadimah *tahqiq* beliau dalam karya *al-thabat* Salih bin Muhammad al-Fullani (1984: 7) sebagaimana berikut:

"وقد بقي العلماء متابرين على إهتمامهم بتلقي العلوم بالإسناد إلى أصحاب الكتب المصنفة. ولم يقتصر مجال الإسناد على الأحاديث النبوية..."

Maksudnya:

Adalah masih kekal dalam kalangan para ulama yang mengambil berat terhadap pengambilan ilmu-ilmu secara bersanad (TB) sehingga sampai kepada para pengarang kitab-kitab yang telah dibukukan. Dan tidak terhad bidang (penggunaan) *sanad* terhadap (periwayatan) hadis-hadis nabi...”

Kenyataan ini merupakan susulan daripada kupasan beliau sebelum itu iaitu berkaitan kelebihan *sanad* yang merupakan satu anugerah Allah I kepada umat Nabi Muhammad p serta imbasan sejarah kegigihan para sahabat merantau untuk menemui sahabat sezaman bagi tujuan mendengar langsung walaupun sebuah hadis. Beliau meneruskan kupasan sebagaimana di atas dengan mengisyaratkan masih kekal kelangsungan pendekatan mengambil ilmu secara TB dengan pengarang kitab dalam kalangan ulama serta tidak terhad penggunaan *sanad* dalam periwayatan hadis sahaja.

## LATAR BELAKANG KAJIAN

TB merupakan istilah yang menonjolkan kelebihan *sanad* dalam perspektif pengajian ilmu Islam. Buktinya kedua-dua kenyataan di atas telah muncul dalam perbincangan konteks *sanad* dan mekanisme pengambilan serta penyampaian ilmu berdasarkannya. Misalnya karya yang ditahqiqkan oleh 'Amir Hasan Sabri (al-Fullani, 1984) yang menjadi sumber munculnya kenyataan beliau sebagaimana di atas adalah merupakan karya jenis *al-thabat*. Dalam konteks

pengajian hadis, karya *al-thabat* atau *al-athbat* (kata *jama<sup>c</sup>*) merupakan kategori kitab yang merekodkan *sanad* bagi kitab-kitab yang dibacakan serta didengari oleh pengarang di hadapan para guru. *Al-Thabat* juga pada asalnya merupakan karya yang mengumpulkan *al-ijazat* yang telah diperolehi oleh seseorang penuntut ilmu daripada para guru bagi meriwayatkan kitab-kitab hadis (al-Ghawri, 2007:53; al-Fadani, 1983:8).

Pentakrifan *al-thabat* ini selaras dengan pendekatan TB yang dimaksudkan oleh <sup>c</sup>Abd al-Fattah Abu Ghuddah (1992) seperti yang disebut sebelum ini iaitu langkah pembacaan sesuatu kitab bersama guru bagi tujuan *tahammul* dan memperolehi *ijazah* daripadanya. Manakala praktis yang serupa didapati telah direkodkan dalam karya *al-thabat* Salih bin Muhammad al-Fullani (1984) yang ditahqiqkan oleh <sup>c</sup>Amir Hassan Sabri tersebut. Sebagai contoh, al-Fullani menjelaskan beliau meriwayatkan *Sahih al-Bukhari* menerusi *sanad* Abi Zar. Beliau menyambungkan *sanad* tersebut melalui pendekatan pendengaran pembacaan *Sahih al-Bukhari* (pengkaji- bacaan murid iaitu *al-qira'ah* <sup>c</sup>ala al-shaykh) secara lengkap daripada awal hingga akhir kitab tersebut di hadapan guru beliau, *al-musnid al-mu<sup>c</sup>ammar al-fahhamah* Muhammad bin Sinnah.

Sesi pembacaan tersebut juga diselang seli beberapa kali oleh pendengaran beliau terhadap pembacaan daripada lisan guru (pengkaji-bacaan guru iaitu *al-sama<sup>c</sup> min lafz al-shaykh*). Aplikasi pembacaan di hadapan guru tersebut membawa penyambungan silsilah hingga kemuncaknya sampai kepada pengarang *Sahih al-Bukhari*. Buktinya al-Fullani (1984:34-35) merekodkan silsilah lengkap tersebut yang terdiri daripada nama-nama guru demi guru sehingga kepada Imam al-Bukhari bermula daripada nama gurunya tersebut. Selain periyawatan secara *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-qira'ah*, al-Fullani turut menjelaskan *sanad-sanad* lain periyawatan *Sahih al-Bukhari* bagi guru yang sama tetapi menerusi metode *al-ijazah*.

## PERMASALAHAN KAJIAN

Perbincangan di atas secara rintis menampilkan beberapa elemen-elemen penting berhubung dengan definisi TB. Pertama, TB boleh didefinisikan sebagai pendekatan pengajian kitab dengan langkah mempraktikkan pembacaan yang secara istilah asalnya disebut *al-sama<sup>c</sup>* atau *al-qira'ah* dengan kombinasi metode *al-ijazah* di hadapan guru yang merupakan *al-musnid*. Kedua, metode *al-sama<sup>c</sup>*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* merupakan adaptasi daripada metode *tahammul* dalam periyawatan hadis. Ketiga, pendekatan TB membawa implikasi persambungan silsilah *sanad* antara murid dengan guru yang juga bersilsilah dengan guru demi guru sehingga sampai kepada pengarang kitab. Keempat, dalam konteks kitab hadis, kemuncak silsilah akan kembali bertaut kepada sumber hadis iaitu Rasulullah p. Kelima, pendekatan TB terbukti diaplikasikan oleh ilmuwan yang dikenali dalam konteks ini sebagai *al-musnid* iaitu menerusi catatan yang terkandung di dalam karya kategori *al-thabat*. Ianya antara lain tidak terkecuali melibatkan kitab-kitab hadis utama seperti *al-kutub al-sittah*. Namun begitu kajian perlu mendetailkan kelebihan khusus pendekatan pengajian ini secara saintifik dan sistematik berdasarkan paradigma pemikiran partisipan yang terlibat sebagai *al-musnid* atau pengamal *sanad*.

## METODOLOGI KAJIAN

Makalah ini bertujuan untuk mengkaji kelebihan khusus pengajian kitab hadis secara *talaqqi bersanad*. Data-data dikumpul menerusi metode temubual mendalam dan analisis dokumen berkaitan. Dapatan kajian dianalisis secara deskriptif.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN KAJIAN

Berdasarkan analisa deskriptif terhadap data-data temu bual patisipan kajian (Syeikh Muhammad Fuad 2012, Maulana Hamid 2012 & Maulana Mansor 2012) dan analisis dokumen. Kajian merumuskan bahawa terdapat empat kelebihan pengajian kitab hadis secara *talaqqi bersanad* iaitu pengekalan sanad, persambungan sanad hadis dengan sumber hadis, teladan tradisi ahli hadis dan pengadaptasian metode *al-tahammul wa al-ada*’ (Farhah Zaidar, 2014: 245-251).

### **1. Pengekalan Silsilah Sanad Hadis**

Persambungan *sanad* menerusi aplikasi TB merupakan satu mekanisme yang mewariskan silsilah *sanad* agar berkekalan tanpa putus antara generasi demi generasi sehingga kurun kini. Silsilah *sanad* yang bersambungan tersebut merupakan keistimewaan khusus umat Nabi Muhammad p. Justeru keprihatinan aplikasi TB bagi tujuan memelihara pengekalan silsilah *sanad* sehingga kurun kini dilihat sebagai satu tanggungjawab yang wajar terus dipikul oleh generasi semasa. Lebih-lebih lagi apabila usaha persambungan silsilah *sanad* antara generasi mutakhir dengan generasi terdahulu menerui mekanisme TB merupakan suatu tanggungjawab yang disuarakan secara majoriti sebagaimana rumusan Shaykh Muhammad ‘Awwamah (AlRashid, 2009:12) dan Yusuf ‘Abd al-Rahman al-Mar‘ashli (Ibn Hajar al’Asqalani, 1992:10).

Ketidakpedulian terhadap aplikasi TB lambat laun akan menyebabkan warisan silsilah *sanad* hadis pada masa depan tidak terjamin daripada boleh dipersambungkan di antara satu generasi kepada satu generasi. Kebarangkalian kegagalan ini meskipun pada dasarnya seperti tidak terlalu menggugat kredibiliti pengajian hadis tetapi masih boleh dianggap sebagai satu tamparan yang tidak kurang hebatnya. Ini adalah kerana persambungan *sanad* yang masih boleh dikekalkan menerusi aplikasi TB sukar dinafikan sebagai satu tanda kehebatan tradisi pengajian hadis. Justeru komuniti pengajian hadis merupakan prospek yang selayaknya memberi jaminan terhadap kelangsungan pengekalan silsilah *sanad* hadis agar dapat dipelihara menerusi keprihatinan terhadap aplikasi TB. Usaha mengekalkan silsilah *sanad* hadis ini kelihatan lebih relevan untuk diketengahkan berbanding diketepikan meskipun fungsinya yang semakin kurang iaitu bukan lagi bertujuan untuk mengenal pasti kesahihan sesuatu riwayat.

### **2. Persambungan Sanad Hadis dengan Sumber Hadis**

Kerangka pemikiran yang responsif dan sensitif terhadap keistimewaan persambungan silsilah *sanad* hingga kepada sumber hadis iaitu Rasulullah p menerusi penyusun kitab-kitab hadis utama seperti *al-kutub al-sittah* telah mendorong TB diaplikasikan. Peredaran masa menunjukkan kerangka pemikiran seumpama ini bukan sekadar persepsi tetapi telah direalitikan oleh ribuan *al-musnid* menerusi peninggalan karya *sanad* atau juga disebut *al-thabat* yang merekodkan silsilah *sanad* menerusi guru masing-masing tidak terkecuali *sanad al-kutub al-sittah*. Aplikasi TB secara meluas tersebut dilihat mencerminkan pendirian komuniti terhadap

keutamaan mempunyai pertalian *sanad* dengan Rasulullah ﷺ menerusi penyusun *al-kutub al-sittah*. Ianya dianggap sebagai satu kemuliaan, kebanggaan dan keberkatan.



Gambar A: Contoh *ijazah* salasilah sanad kitab *Sahih al-Bukhari*

Meskipun pada dasarnya, tanpa aplikasi TB, seseorang masih tidak terhalang untuk berinteraksi dengan *al-kutub al-sittah* kecuali kekurangan daripada aspek tiada persambungan *sanad* dengan sumber hadis iaitu Rasulullah ﷺ menerusi kitab-kitab tersebut. Kekurangan ini

hanya menjelaskan ketidakcapaian meletakan nama sebaris dengan senarai silsilah *sanad* hadis sehingga sampai kepada penyusun *al-kutub al-sittah* dan kemuncaknya bertaut kepada baginda p. Fenomena sebegini merupakan senario umum yang berlaku dalam kalangan orang ramai yang tidak terdedah dengan kelebihan aplikasi TB. Golongan ini tidak menimbulkan sebarang masalah kecuali ketidakjelasan terhadap aplikasi TB sebagai mekanisme penyambungan *sanad* terhadap sumber hadis. Mereka tidak memiliki kelebihan mengeluarkan silsilah *sanad* menerusi guru sehingga sampai kepada baginda p melalui kitab hadis. Manifestasi kebanggaan terhadap silsilah *sanad* yang masih boleh bersambung kepada baginda p seperti yang diluahkan oleh pengamal TB tidak dapat diterjemahkan oleh golongan ini. Aspek ini pula hanya melibatkan perbezaan kecenderungan di antara pengamal TB dengan mereka yang bukan pengamalnya.

Oleh sebab itu, faktor TB sebagai mekanisme persambungan *sanad* hadis kepada sumber hadis wajar diketengahkan dalam pengajian hadis tempatan supaya kelebihan aspek ini boleh diterapkan serta dihargai oleh komuniti tersebut sendiri. Kekerapan berinteraksi dengan kitab-kitab hadis seperti *al-kutub al-sittah* wajar dan perlu diperkuuhkan menerusi ikatan *sanad* dengan penyusun karya-karya tersebut yang kemuncaknya bertaut kepada Rasulullah p menerusi aplikasi TB. Justeru ikatan emosional seperti perasaan kebanggaan, kemuliaan dan keberkatan menyambung *sanad* hadis dengan baginda p dapat direalisasikan.

### **3. Teladan daripada Tradisi Ahli Hadis**

Persambungan *sanad* menerusi aplikasi TB juga merupakan satu kegiatan yang meneladani tradisi ahli ilmu umumnya dan ahli hadis khususnya. Aplikasi TB ini telah meneruskan langkah yang ditinggalkan oleh ahli ilmu yang terlebih dahulu melaksanakannya dan mencatat silsilah *sanad* tersebut agar tidak lenyap ditelan zaman. Berikutan itu, generasi kini masih dapat meneruskan tradisi TB yang antara lain turut melambangkan bahawa pengambilan ilmu Islam yang tidak dapat disisihkan daripada sesuatu perantara antara satu sumber dengan sumber yang lain.

Manifestasi TB sebagai satu fenomena tradisi dalam kalangan ahli hadis boleh dilihat dengan lebih ketara menerusi penghasilan sejenis karya yang dikenali sebagai *al-thabat*. Ia merupakan kitab khusus yang menghimpunkan nama para guru *al-sama<sup>c</sup>* dan *al-ijazah* serta rangkaian silsilah *sanad* mereka hingga sampai kepada sumber ilmu yang terdiri daripada khazanah kitab-kitab warisan muktabar yang menjadi teras rujukan keilmuan Islam sepanjang zaman. Kitab khusus ini bukan sahaja dikenali dengan *al-thabat*, tetapi turut diistilahkan dengan beberapa nama lain iaitu *al-mashyakhah*, *al-ma<sup>c</sup>ajim*, *al-fahrasah*, *al-barnamaj*, *al-musalsalat* dan *al-awa'il*.

Sumber-sumber silsilah *rijal sanad* bagi khazanah karya warisan Islam tersebut dikenal pasti wujud dan masih beredar dalam kalangan ahlinya. Ianya boleh dirujuk menerusi ensiklopedia *sanad* susunan Yusuf Abd al-Rahman al-Mar<sup>c</sup>ashli (2002) iaitu *Mu<sup>c</sup>jam al-Ma<sup>c</sup>ajim wa al-Mashyakhah wa al-Faharis wa al-Baramij wa al-Athbat*. Ensiklopedia ini merekodkan 1760 orang profil para *musnid* beserta 3081 karya *sanad* daripada kurun pertama hingga kurun 15 Hijrah. Penemuan ini dapat menjelaskan kenapa sesuatu silsilah kitab seperti silsilah *sanad* kitab hadis masih berpotensi ditelusuri sepanjang 1400 tahun Hijrah.

Manakala *al-kutub al-sittah* merupakan kumpulan kitab hadis muktabar yang menjadi sumber utama dalam pengajian secara TB. Hampir keseluruhan ulama mengutamakan untuk mendengar (*al-sama<sup>c</sup>*) dan membaca (*al-qira'ah*) karya-karya ini serta memperolehi pengijazahan daripada para guru. Malah dalam disiplin pengajian hadis karya-karya induk ini diusulkan sebagai keutamaaan dalam pendahuluan pendengaran hadis apatah lagi setelah kesemuanya dibukukan.

Tokoh-tokoh hadis seperti Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani (2000:3), Shah Waliyy Allah al-Dihlawi (al-Barni, 1988: 142-145), al-Nawawi (2003: 16-17), Badr al-Din al-<sup>c</sup>Ayni (2001: 22-24), al-Mubarafuri (2001:3-7) dan al-Zabidi (2007: 20-2) didapati merekodkan *sanad* sama ada yang diperolehi dengan metode *al-sama<sup>c</sup>*, *al-qira'ah* atau *al-ijazah* dalam mukadimah karya syarah atau karya ringkasan kepada *al-kutub al-sittah* tersebut. Komitmen konsisten ini menunjukkan TB merupakan satu praktis yang menjadi adat kebiasaan yang sudah sebatи dalam kalangan ahli hadis. Ianya merupakan satu identiti yang dipertahankan secara turun temurun sehingga kini bertemakan kata-kata seperti *asanid ansab al-kitab* (*sanad* merupakan pertalian keturunan kepada kitab).

Justeru dengan mengaktifkan diri menerusi penyertaan majlis-majlis pengajian *sama<sup>c</sup>* dan *qira'ah* hadis berteraskan kitab *al-kutub al-sittah* di hadapan guru yang *bersanad* merupakan tanda penerimaan dan pengesahan penuntut ilmu hadis terhadap tradisi yang didapati tidak dipinggirkan oleh ahli hadis. Penerimaan tersebut, secara tersiratnya melambangkan penghormatan juga penghargaan komuniti hadis semasa terhadap tokoh-tokoh hadis tersebut menerusi pengulangan proses yang sama iaitu TB. Langkah tradisi ini tidak sepatutnya dibiarakan diapresiasi oleh mereka yang di luar bidang semata tanpa komitmen yang sama daripada komuniti pengajian hadis khususnya di peringkat IPTA/IPTS.

Pendedahan kajian terhadap aplikasi TB ini telah menjadikan tradisi ini tidak boleh diketepikan begitu sahaja kerana ia memang masih boleh direalitikan. Jangka hayat tradisi ini kelihatan kental merentasi zaman serta dihayati seiring dengan kewujudan sumber hadis. Tokoh-tokoh pengamalnya terdiri daripada para guru *al-musnid* yang tersenarai seorang demi seorang dalam silsilah *sanad* yang bersilih ganti mengaplikasi TB sehingga kurun kini.

#### **4. Pengadaptasian Metode *al-Tahammul wa al-Ada'***

Mekanisme pelaksanaan persambungan *sanad* menerusi aplikasi TB didapati telah mengadaptasikan tatacara *al-tahammul wa al-ada'*. Ini adalah kerana metod *al-sama<sup>c</sup>*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* yang diaplikasikan bagi tujuan penyambungan *sanad* tersebut merupakan tiga metode *al-tahammul* hadis Rasulullah  $\rho$  yang asal. Ketiga-tiga metode tersebut masih diadaptasikan sehingga kini bagi meriwayatkan hadis-hadis Rasulullah  $\rho$  yang sudah dibukukan. Dengan erti kata lain, pengambilan *sanad* yang bersambungan kepada kitab-kitab hadis induk seperti *Sahih al-Bukhari* telah mengaplikasikan mekanisme yang sama sebagaimana penyambungan *sanad* hadis-hadis Rasulullah  $\rho$  pada zaman riwayat. Justeru frasa aplikasi TB yang menunjukkan proses seperti *al-sama<sup>c</sup>*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* ketara direkodkan antara *rijal* demi *rijal* yang terdapat pada silsilah *sanad* kitab hadis seperti yang ditemui dalam karya *al-thabat*.

Sehubungan dengan itu, metode *al-sama'*, *al-qira'ah* dan *al-ijazah* merupakan mekanisme persambungan *sanad* yang mematuhi etika riwayat dan *sanad* yang didisiplinkan dalam pengajian hadis. Persambungan *sanad* berteraskan ketiga-tiga metode tersebut merupakan mekanisme standard yang tidak terjejas dengan faktor peredaran zaman. Keseluruhan kenyataan ini juga membawa implikasi ketidaksahan perlentakan nama sebaris dalam senarai sesuatu silsilah *sanad* kecuali menerusi salah satu di antara tiga metode penyambungan ini atau yang terbaik adalah kombinasi di antara kesemuanya.

Shah Waliyy Allah al-Dihlawi sebagaimana yang dinukilkan oleh Yusuf <sup>c</sup>Abd al-Rahman al-Mar<sup>c</sup>ashli (1992:90-92), menegaskan bahawa menyatakan kaedah *tahammul* yang menyambungkan hubungan antara kita dengan hadis Rasulullah  $\rho$  merupakan satu keperluan. Ini adalah kerana kita sememangnya tidak mendengar langsung daripada baginda  $\rho$ . Oleh itu, pasti ada perantara yang menyambungkan kita dengan hadis baginda  $\rho$ . Justeru aplikasi TB telah mengadaptasi metode *tahammul* bagi tujuan penyampaian dan penyebaran hadis secara bersambungan antara kita sehingga kepada Rasulullah  $\rho$  tersebut.

## KESIMPULAN

Kesimpulannya, praktikal riwayat dan *sanad* tidak terhenti setakat penyusun *al-kutub al-sittah* tersebut tetapi berterusan rantaiannya sambung menyambung sehingga ke hari ini menerusi pendekatan berkonsepkan TB. Menerusi TB mekanisme periwatanan terhadap sumber ke dua syariat iaitu hadis terus berganjak kepada periwatanan kitab-kitab hadis selari dengan perubahan dan perkembangan zaman. Implikasi utama aplikasi TB ialah mengekalkan tanpa putus silsilah *sanad* yang noktah awalnya bukan sahaja bermula tetapi berakhir kepada sandaran mutlak sumber hadis iaitu Rasulullah  $\rho$ . Persambungan silsilah *sanad* menerusi aplikasi TB dilihat menjadi mercu tanda kehebatan tradisi ilmu dalam kalangan para pewaris baginda  $\rho$  iaitu ulama umumnya dan ahli hadis khususnya. Dengan erti kata lain, walaupun jarak umat hari ini dengan baginda  $\rho$  telah berlalu lebih 1400 tahun, namun susur galur pertalian *sanad* dengan baginda  $\rho$  masih tidak putus hingga ke hari ini.

## RUJUKAN

- <sup>c</sup>Abd al-Fattah Abu Ghuddah. (1992). Al-Isnad min al-din. Beirut: Dar al-Qalam.
- al-<sup>c</sup>Ayni, Badr al-Din Abi Muhammad Mahmud bin Ahmad. (2001). <sup>c</sup>Umdat al-qari sharh Sahih al-Bukhari. Tahqiq: <sup>c</sup>Abd Allah Mahmud Muhammad <sup>c</sup>Amar. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- AlRashid, Muhammad bin <sup>c</sup>Abd Allah. (2009). Zahid al-Kawthari wa ishamatuh fi <sup>c</sup>ilm al-riwayah wa al-asanid. t.tp: Dar al-Fath li al-Dirasat wa al-Nashr.
- al-Barni, <sup>c</sup>Asiq al-Ilahi. (1988). Al-<sup>c</sup>Anaqid al-ghaliyyah min al-asanid al-<sup>c</sup>aliyyah. Deoband: Maktabah Deoband.
- al-Fadani, Muhammad Yasin bin Muhammad <sup>c</sup>Isa. (1983). Thabat Kuzbari wa yалиh ithaf al-talib al-sirriyy bi asanid al-wajih al-Kuzbari. Damshiq: Dar al-Basa'ir.

- Farhah Zaidar Mohamed Ramli. (2014). Faktor-faktor Dorongan Aplikasi Talaqqi bersanad (TB) dan keperluannya dalam Pengajian Hadis di Malaysia. Tesis Doktor Falsafah, Jabatan al-Quran dan al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- al-Fullani, Imam Salih bin Muhammad. (1984). Qatf al-thamar fi raf<sup>c</sup> asanid al-musannafat fi al-funun wa al-athar. Tahqiq: <sup>c</sup>Amir Hasan Sabri. Jeddah: Dar al-Shuruq.
- al-Ghawri, Sayyid <sup>c</sup>Abd al-Majid. (2007). Mu<sup>c</sup>jam al-mustalahat al-hadithiyyah. Dimashq: Dar Ibn Kathir.
- Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali. (1992). Al-Majma<sup>c</sup> al-mu'assis li al-mu<sup>c</sup>jam al-mufahris. Tahqiq: Yusuf <sup>c</sup>Abd al-Rahman al-Mar<sup>c</sup>ashli. Jil. 1. Beirut: Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah.
- Ibn Hajar al-<sup>c</sup>Asqalani, Ahmad bin <sup>c</sup>Ali. (2003). Hady al-sari muqaddimah fath al-bari sharh Sahih al-Bukhari. Tahqiq; <sup>c</sup>Abd al-<sup>c</sup>Aziz bin <sup>c</sup>Abd Allah bin Baz & Muhammad Fu'ad <sup>c</sup>Abd al-Baqi. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- al-Mar<sup>c</sup>ashli, Yusuf <sup>c</sup>Abd al-Rahman. (2002). Mu<sup>c</sup>jam al-ma<sup>c</sup>ajim wa al-mashyakhat wa al-faharis wa al-baramij wa al-athbat. 4 Jil. Riyad: Maktabat al-Rushd.
- Maulana Hamid. (2012). Interpretasi aplikasi TB. Temu bual, 21 Februari.
- Maulana Hamid. (2012). Interpretasi aplikasi TB. Temu bual, 27 Februari.
- Maulana Hamid. (2012). Faktor-faktor dorongan aplikasi TB. Temu bual, 27 Februari.
- Maulana Hamid. (2012). Faktor-faktor dorongan aplikasi TB. Temu bual, 16 Oktober.
- Maulana Mansor. (2012). Faktor dorongan aplikasi TB. Temu bual, 10 Mac.
- Maulana Mansor. (2012). Interpretasi aplikasi TB. Temu bual, 10 Mac.
- Maulana Mansor. (2012). Interpretasi aplikasi TB. Temu bual, 22 Mac.
- al-Mubarakfuri, Muhammad <sup>c</sup>Abd al-Rahman ibn <sup>c</sup>Abd al-Rahim. (2001). Tuhfat al-ahwadhi bi sharh Jami<sup>c</sup> al-Tirmidhi. Jil. 7. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- al-Nawawi, Yahya bin Sharaf. (2003). Sahih Muslim bi sharh al-Nawawi. Tahqiq: Muhammad Fuad <sup>c</sup>Abd al-Baqi. Jil. 1. Beirut: Dar al-Kutub al-<sup>c</sup>Ilmiyyah.
- Syeikh Muhammad Fuad. (2012). Interpretasi & faktor dorongan aplikasi TB. Temu bual, 20 Februari.
- Syeikh Muhammad Fuad. (2012). Interpretasi aplikasi TB. Temu bual, 20 Februari.
- Syeikh Muhammad Fuad. (2012). Faktor-faktor dorongan aplikasi TB. Temu bual, 26 April.
- al-Zabidi, Zayn al-Din Ahmad bin Ahmad bin <sup>c</sup>Abd al-Latif. (2007). Mukhtasar Sahih al-Bukhari. Beirut: Dar al-Ma<sup>c</sup>rifah.